

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN
BIL. 2/1980

SIJIL PEMBEBASAN BAYARAN UKUR

Di bawah perenggan 4 daripada Perintah Kanun Tanah Negara (Bayaran Ukur) 1965 -L.N. 486/65, Pengarah Tanah Dan Galian adalah diberi kuasa untuk mengurangkan atau membebaskan bayaran ukur had- had yang tertentu. Berhubung dengan penggunaan kuasa ini, Pihak Jabatan Ukur telah mengalami beberapa kesulitan dari segi penyimpanan rekod yang menunjukkan kes kes pengurangan atau pembebasan bayaran ukur yang telah dibuat.

2. Untuk mengatasi kesulitan ini, maka Pemungut Hasil Tanah adalah dikehendaki menggunakan Sijil Pembebasan sebagaimana Format A atau Format B semasa menghantar P.U. kepada Pihak Pengarah Ukur. Sila lihat perenggan 2.3. dalam Lampiran 'B' kepada Arahan Pengarah Tanah dan Galian Bil. 1/80.

3. Pemungut Hasil Tanah hendaklah mengisikan Format A atau Format B dalam dua salinan apabila sahaja Permohonan Ukur telah disdiakan dan menghantarkanya kepada Pengarah Tanah dan Galian untuk ditandatangani. Format ini akan dikembalikan kepada Pemungut Hasil Tanah yang akan mengemukakan kepada Pengarah Ukur bersama-sama dengan Permohonan Ukur. Satu salinan Sijil ini hendaklah disimpan oleh Pemungut Hasil Tanah untuk rekodnya.

4. Pemungut Hasil Tanah adalah dikehendaki mengikuti kandungan Arahan ini dengan serta merta.

Saya yang menurut perintah
t.t
(**Ab.Hamid Bin Hj.Abu Bakar**)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN.
KOTA BHARU**

[P.T.G.(KN) 11779]

Bertarikh: 3hb.Julai, 1980.

Kepada : Semua Pemungut Hasil Tanah, Kelantan.

Salinan Kepada:

1. Pengarah Ukur Negeri Kelantan.
2. Pengarah Rancangan Penyelesaian Tanah Kelantan.

Surat kami:
Surat Tuan:

Pejabat Tanah dan Jajahan,
.....
hb. 19

Pengarah Ukur
Kelantan,

Melalui:

Juru Ukur Jajahan,
.....

Per: Permintaan Ukur No.....

Bersama-sama ini diedarkan P.U.....untuk tindakan tuan.

2. Satu salinan berikut disertakan:-

- 2.1.* Catitan kelulusan M.M.K.
- 2.2.* Jadul tanah yang berkaitan dengan pengambilan/No. warta Kerajaan ialah.....
- 2.3.* Kelulusan PTG mengurangkan/mengecualikan bayaran upah ukur.

Sekian.

()
Pemunut Hasil tanah

*Potong yang mana tidak perlu

Pengarah Ukur,
Kelantan.

P.U.....telah dicarta atas Syit No.....
dan dipanjangkan untuk tindakan tuan.

Sekian

()
Juru Ukur Jajahan

Surat Tuan:

Surat Kami: P.U. KN.

Pemungut Hasil Tanah,
.....

P.U.....diterima untuk tindakan/dipulangkan kerana.....
.....

[Borang ini hendaklah disediakan dan dikemukakan kepada Jabatan Ukur dalam 2 salinan dengan 1 Borang di Lampiran 'A']

()
Pengarah Ukur,
Kelantan

PERINTAH KANUN TANAH NEGARA (BAYARAN UKUR 1965

Sijil Pengecualian Bayaran Ukur

Permohonan Ukur No:.....

Mukim/Bandar:.....

Daerah:.....

Jajahan:.....

Fail Pejabat Tanah:.....

Rujukan Np. Warta Kerajaan:.....

Tujuan Kegunaan Tanah:.....

.....

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi kepada saya oleh Seksyen 4(2) Perintah Kanun Tanah Negara (Bayaran Ukur) 1965, saya dengan ini mengesahkan bahawa permohonan ukur tersebut di atas untuk tujuan awam, maka dengan ini dikecualikan daripada semua bayaran ukur di bawah perintah ini.

Bertarikh:.....

Nama:.....

Pengarah Tanah dan Galian

Fail P.T.G.....

PERINTAH KANUN TANAH NEGARA (BAYARAN UKUR) 1965

Sijil Pengecualian Bayaran Ukur

Permohonan Ukur No:.....

Mukim/Bandar:.....

Daerah:.....

Jajahan:.....

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi kepada saya oleh Seksyen 4(1) Perintah Kanun Tanah Negara (Bayaran Ukur) 1965, saya dengan ini mengesahkan bahawa si pemohon seperti yang terdapat dalam JADUAL tidak mampu menjelaskan bayaran ukur dengan penuh kerana tidak berupaya, maka dengan ini dikecualikan setakat.....(tidak melebihi dua pertiga) daripada bayaran yang dikenakan di bawah perintah ini.

JADUAL

No	Nama Pemohon	Fail Pejabat Tanah	Rujukan Lot	Luas	Jenis Kegunaan Tanah
1.					
2.					
3.					
4.					
5.					

Bertarikh:.....

Nama:.....
Pengarah Tanah dan Galian

Fail P.T.G.....